

# Ibu perlu rawatan mental

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin  
Dr Sapora Sipon  
rencana@hmetro.com.my

**?** Saya gadis berusia 19 tahun dan mempunyai adik-beradik ramai. Ibu bapa saya sudah bercerai beberapa tahun lalu. Adik-beradik juga sering berdepan masalah disiplin di sekolah. Rumah kami juga sering tidak terjaga dari segi kekemasannya. Perkara ini membuatkan saya dan adik-beradik sering tertekan.

Saya juga mempunyai seorang abang yang mengalami masalah mental (schizophrenia). Saya tidak pasti sama ada sakit abang berpunca daripada masalah keluarga saya atau sebab lain.

Selepas diteliti, saya sangat pasti bahawa ibu menghidap penyakit sama sejak sekian lama.

Saya sudah berbincang dengan ayah dan ahli keluarga yang lain mengenai hal ini. Kami bercadang untuk membawa ibu melakukan pemeriksaan kesihatan mental di hospital tempat abang saya menerima rawatan bulanan.

Tetapi bukan senang hendak memberitahu seseorang bahawa dia memerlukan rawatan mental, apatah lagi jika orang itu adalah ibu sendiri.

Pasti saya dimaki hamun dan dituduh anak derhaka dan sebagainya. Saya bimbang nasib adik-adik saya yang masih bersekolah rendah dan tinggal bersama ibu.

Saya tidak mahu mereka melalui apa yang kami lalui dulu dan lebih penting mengenai tahap keselamatan.

**!** Dr harapkan adik berada dalam keadaan sihat dan sejahtera hendaknya. Pastinya adik berasa terhimpit dengan tekanan hidup yang melanda sejak sekian lama. Gangguan kesihatan yang dialami abang dan ibu adalah perkara sulit buat adik untuk menghadapinya.

Berkenaan menjadi anak kepada pasangan yang bercerai, ia juga bukan satu perkara mudah tapi ia mempunyai hikmah di sebaliknya. Misalnya, adik boleh melatih diri menjadi seorang yang lebih berdikari dan bertanggungjawab terhadap keluarga dan adik-beradik. Tambahan pula, adik berhadapan dua ahli keluarga yang mengidap penyakit psikotik.

Berkenaan keinginan adik yang mahu ibu mendapat rawatan skizofrenia dihadapinya, adik tidak perlu melakukannya berseorangan kerana boleh juga mendapatkan bantuan ayah mahupun ahli keluarga lain yang rapat dengan beliau untuk tujuan itu.

Ini mungkin membantu untuk melembutkan hati ibu adik kerana mereka lebih dihormati.

Selain itu, adik perlu percaya setiap ujian yang diberikan Allah kepada kita adalah bersesuaian dengan kekuatan diri. Jadi Dr yakin adik seorang yang kuat dalam menghadapi ujian untuk orang yang terpilih ini.

Dr menganjurkan adik untuk menjadikan ujian ini sebagai menguatkan, bukan melemahkan.



**SENTIASA BERMASALAH,**  
Kedah

## Siswi berdosa ingin bertaubat

**?** Saya siswi di sebuah universiti tempatan. Jujur saya katakan, saya pernah beberapa kali melakukan perbuatan zina dengan teman lelaki yang saya kenal ketika melangkah ke alam universiti.

Namun, saya meninggalkan dia dan berusaha mengelak diri daripada menghubunginya. Alhamdulillah kini saya sudah bertaubat dan berusaha memperbaiki kesilapan yang cukup besar itu.

Saya ingin bertanya apakah benar dosa zina itu dosa yang terbesar selepas dosa menyekutukan Allah? Betulkah sukar untuk menyucikan diri daripada dosa zina?

Apakah tiada lagi peluang untuk saya mendapatkan pasangan

yang terbaik dalam dunia ini walaupun berusaha menjadikan diri insan solehah?

Tiadakah kaedah lain untuk saya membina semula maruah diri yang sudah hilang? Saya sering tertanya-tanya adakah maruah saya rendah pada pandangan bekas teman lelaki dan di mata orang ramai?

Saya sangat menyesal atas keterlanjuran itu dan setiap hari dihimpit rasa berdosa. Bagaimanapun, saya tetap ingin membina maruah saya kembali di hadapan-Nya.

**GADIS BERDOSA,**  
Selangor.

**!** Pertamanya, tahniah dan Dr bersyukur ke-

rana adik dikurniakan keinginan untuk berubah menjadi lebih baik. Tidak dapat dinafikan, setiap insan di dunia ini mempunyai sejarah silamnya masing-masing.

Namun, hanya insan terpilih yang diberikan keinginan untuk kembali ke pangkal jalan.

Adik harus maklum, sebanyak mana pun dosa kita, besar lagi pengampunan Allah terhadap hamba-Nya yang ingin bertaubat.

Untuk bertaubat, adik perlu menjaga solat dan memperbanyakkan amalan kebaikan yang lain supaya perkara yang baik itu dapat menutup dosa dan noda kita.

Jangan berputus asa dengan rahmat Allah yang Maha Pengampun terhadap

semua dosa.

Berkenaan mencari jodoh, adik jangan bimbang kerana ia ditentukan sejak azali.

Sekiranya adik benar-benar bersungguh-sungguh untuk menjadi baik, banyakkann usaha dan berdoa kepada Allah supaya dosa yang lalu diampunkan dan dipermudahkan jodoh oleh-Nya.

Maruah kita adalah ditentukan oleh siapa diri kita sekarang. Perkara yang silam tidak perlu dikenang dan tidak boleh diubah lagi. Jadikan masa lalu sebagai kekuatan untuk menjadi lebih baik dari sebelum ini.

Dr mendoakan adik kuat semangat dan tidak berputus asa untuk menghadapi kehidupan mendatang.

